

Periksa keselamatan semua tahfiz

KUALA LUMPUR - Kabinet mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk melakukan siasatan terhadap piawaian keselamatan di semua pusat tahfiz seluruh negara bagi memastikan kejadian kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, baru-baru ini tidak berulang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, berdasarkan siasatan

itu nanti, mana-mana pusat tahfiz yang tidak mematuhi piawaian akan diberi tempoh untuk meningkatkan tahap keselamatan pusat masing-masing dan jika gagal berbuat demikian, pusat berkenaan akan diarahkan tutup.

Beliau bagaimana pun tidak menyatakan tempoh diberikan kepada pusat-pusat tahfiz untuk mematuhi piawaian yang ditetapkan.



berulang

- PM arah bomba siasat

- Elak tragedi

“Sebab ini soal keselamatan anak-anak kita yang tidak boleh kita kompromi dan saya setuju ini adalah time bomb yang tidak boleh kita pandang ringan.

“Ini soal nyawa anak-anak kita dan ini tanggungjawab kita, bukan soal kuasa Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri, tetapi ini soal keselamatan, kebajikan dan lebih-lebih lagi nyawa anak-anak kita,” katanya semasa berucap pada Majlis Sambutan Ma'al Hijrah peringkat kebangsaan tahun 1439H/2017M, semalam.

Dalam kejadian jam 5.15

pagi 14 September lalu, 21 pelajar dan dua guru yang bertugas sebagai warden pusat tahfiz terkorban selepas terperangkap dalam kebakaran di tingkat paling atas bangunan tiga tingkat tersebut.

Sabtu lalu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Amar Singh Ishar Singh mengumumkan tujuh remaja berusia antara 11 dan 18 tahun ditahan bagi membantu

siasatan berhubung kes kebakaran berkenaan.

Najib berkata, peristiwa yang berlaku kepada pusat tahfiz tersebut amat menyedihkan dan kejadian itu masih menghantui fikirannya sehingga ke hari ini.

“Saya tidak dapat percaya ada remaja belasan tahun boleh rancang perbuatan jenayah yang begitu teliti,” katanya. - *Bernama*